

16 AUG 2002

Myanmar-Mahathir/I

MALAYSIA DAN MYNMAR T/TANGANI DUA MOU SEMPENA LAWATAN DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 16 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Myanmar akan mendandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) sempena lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu mulai Ahad, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

MoU pertama membabitkan perjanjian kontrak penerokaan minyak antara syarikat minyak negara, Petronas dan Kementerian Tenaga Myanmar manakala MoU kedua membabitkan kajian mengenai pembinaan logi jana kuasa di Nga Moe Yeik dan Empangan Tabuhla antara Tepat Teknik Sdn Bhd dan Kementerian Pertanian dan Perairan Myanmar.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan mengiringinya selain 300 pegawai termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Syed Hamid Albar, pegawai kanan kerajaan serta ahli perniagaan.

"Kami berharap ia akan menjadi lawatan konstruktif... dan meningkatkan hubungan antara Malaysia dan Myanmar dan kita akan terus memainkan peranan untuk membantu mereka," kata Syed Hamid kepada media pada taklimat di Wisma Putra di sini.

Menurut Syed Hamid, tiga lagi MoU mungkin ditandatangani, jika dipersetujui, membabitkan pengeksporan keluli, telekomunikasi dan pembangunan bandar Yangon.

Lawatan Dr Mahathir itu adalah atas jemputan Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara (SPDC) Jeneral Kanan Than Shwe selain lawatan balas kepada kunjungan Than Shwe ke Malaysia, September lepas. Kuala Lumpur dan Yangon menjalin hubungan diplomatik pada 1958.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir dan Than Shwe juga akan bertukar-tukar pandangan mengenai isu hubungan dua hala kepentingan bersama terutama perdagangan dan pelaburan dan perkara yang meliputi isu serantau dan antarabangsa.

Jadual Dr Mahathir di negara anggota Asean itu termasuk memberi ucap terna di Persidangan Teknologi Malaysia-Myanmar, anjuran bersama Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MiGHT) dan SPDC dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Institut Sultan Iskandar.

Dengan sejumlah RM2.23 bilion pelaburan yang sebahagian besarnya membabitkan pemproses kayu balak, perhotelan, pelancongan, perdagangan, perlombongan dan pengilangan, Malaysia kini merupakan negara pelabur asing keempat terbesar di Myanmar selepas Singapura, United Kingdom dan Thailand.

Jumlah dagangan Malaysia dengan Myanmar tahun lepas berjumlah RM1.045 bilion dengan eksport ke Myanmar sebanyak RM748.6 juta manakala import bernilai RM297.1 juta dengan imbalan perdagangan berpihak kepada Malaysia.

Syed Hamid berkata pemasangan kemudahan pasport elektronik di Myanmar dan sesi dialog dengan rakyat Malaysia yang menetap di Myanmar juga merupakan sebahagian daripada atur cara lawatan Dr Mahathir.

Syed Hamid yang menyifatkan hubungan Malaysia-Myanmar sebagai mesra berkata terdapat kira-kira 200 rakyat Myanmar kini menjalani pelbagai kursus pendek menerusi Program Kerjasama Teknikal (MTCP). Kira-kira 16,000 rakyat Myanmar juga bekerja di Malaysia, kebanyakannya dalam sektor pembinaan dan pakaian.

Menjawab satu pertanyaan, Syed Hamid berkata Dr Mahathir tidak mempunyai rancangan untuk menemui pemimpin pembangkang Myanmar, Aung San

Suu Kyi.

"Setakat ini, kami tidak mempunyai rancangan menemuinya dan kami memantau rapat tugas yang dilaksanakan oleh Tan Sri Razali Ismail dan kami gembira dengan perkembangan yang berlaku di Myanmar...proses perdamaian...ia berjalan dengan lancar ke arah demokrasi," katanya.

Razali yang merupakan utusan khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke Myanmar, mengusahakan rundingan antara kerajaan Myanmar dan Suu Kyi serta Liga Kebangsaan Demokrasi bagi mencapai perdamaian kebangsaan yang akhirnya membebaskan Suu Kyi daripada tahanan rumah, Mei lepas.

"Dr Mahathir sentiasa menggalakkan... bagi memajukan Myanmar, ia mesti terbuka dan mencapai proses perdamaian. Kami gembira kerana mereka bersikap positif kepada padangan kita," kata Syed Hamid.

Syed Hamid turut ditanya sama ada pihak Suu Kyi ada membuat permohonan untuk bertemu Dr Mahathir.

"Saya rasa, jika ada permintaanpun, ... apa sahaja permintaan di buat, terpulang kepada kerajaan Myanmar... kerana ia merupakan lawatan kerja. Terpulang kepada kerajaan Myanmar untuk memaklumkan kepada kami tetapi kita belum terima sebarang permintaan," katanya.

"Malaysia berpendapat bahawa kita akan lakukan apa sahaja yang dianggap perlu dan boleh diterima oleh kerajaan tuan rumah. Dan saya berpendapat setakat yang membabitkan kita, kami akan menemui Aung San Suu Kyi jika itulah yang diatur mereka (kerajaan Myanmar) untuk Perdana Menteri tetapi setakat ini, belum ada program tersebut," katanya.

-- BERNAMA

RV RV LAT